

SALUTASI

PENYERAHAN KUNCI BANGUNAN PEJABAT KESELAMATAN

Bismillahirrahmanirrahim
Terima kasih pengacara majlis

1. **Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie Bin Ibrahim**
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa;
2. **Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar**
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi;
3. **Yang Berbahagian Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif**
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
4. **Yang Berusaha Encik Masdzarif Bin Mahat**
Ketua Pegawai Operasi
5. Pegawai-pegawai Kanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);
6. Pesara-pesera polis bantuan UTeM yang turut sama pada hari ini;
7. Pegawai dan staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka UTeM;
8. Seterusnya para hadirin yang dikasih sekalian.

Assalamualaikum Wbt dan Salam Sejahtera,
Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN KUNCI BAGI PROJEK BANGUNAN PEJABAT
KESELAMATAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)**

21 Februari 2023 (Rabu), 10.00 pagi
Bangunan Pejabat Keselamatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka


SALUTASI

-Seperti di lampiran


1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, kita dapat bersama-sama menjayakan Majlis Penyerahan Projek Bangunan Pejabat Keselamatan di Kampus Induk UTeM.
2. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pejabat Pengurusan Pembangunan di atas kejayaan menyiapkan projek

ini yang seterusnya memberi impak positif terhadap semua pengguna kemudahan ini. Semestinya kemudahan ini merupakan satu perkara yang di nanti-nantikan oleh warga UTeM terutamanya Pejabat Keselamatan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- 
3. Universiti sentiasa peka dan memberikan sepenuh sokongan serta kerjasama dalam peningkatan akses pendidikan tinggi di negara kita dengan menyediakan kemudahan-kemudahan fizikal yang terbaik kepada semua pemegang taruh bukan sahaja pelajar tetapi juga kepada

staf UTeM. Pelaksanaan projek ini adalah antara inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pengajian Tinggi Malaysia di mana dengan terbinanya Pejabat Keselamatan ini mampu meningkatkan kemudahan dan fasiliti di Kampus Induk UTeM.

- 
4. Tahniah saya ucapkan kepada syarikat MyAsas Engineering Sdn. Bhd. dan semua perunding yang telah berjaya menyiapkan projek ini dengan jayanya walaupun berdepan dengan beberapa cabaran termasuk semasa era pandemic COVID-19.

5. Tidak dinafikan, menguruskan projek pembangunan serta mentadbir kontrak pembinaan bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai cabaran dan konflik perlu dihadapi lebih-lebih lagi masalah teknikal perlu diselesaikan dengan cekap. Namun demikian, suka saya menyatakan Pejabat Pengurusan Pembangunan UTeM sebagai pelaksana projek telah sedaya upaya cuba untuk mencapai satu tanda aras yang tinggi dalam pengurusan projek serta pengurusan risiko dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di dalam Kampus Induk UTeM ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

6. Hari ini merupakan hari yang sangat dinantikan oleh warga UTeM khususnya Pejabat Keselamatan. Sepertimana yang kita lihat hari ini, projek yang pada dasarnya bermula pada Disember tahun 2011 telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada UTeM pada 21 November 2022. Pelbagai cabaran dan masalah pembinaan telah dilalui bagi memastikan projek ini disiapkan. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Pejabat Pengurusan Pembangunan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

7. Besar harapan saya agar kemudahan seperti Pejabat Keselamatan ini dan lain-lain kemudahan yang disediakan ditadbir dan dimanfaatkan secara optimum oleh semua warga UTeM dalam memastikan tadbir urus Universiti dilaksanakan secara berkesan seterusnya mampu menyokong dalam pembangunan graduan yang holistik dan seimbang, iaitu graduan yang berilmu dan berakhhlak, serta mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada negara dan dunia.

جامعة ملاكا التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8. Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Simbolik Penyerahan Kunci Bangunan Pejabat Keselamatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatu

